

# Suntikan ambil masa 15 hingga 30 minit

Individu perlu lalui 5 stesen termasuk proses pemantauan kesan sampingan

Oleh Luqman Arif Abdul Karim  
luqman.arif@bh.com.my

**Putrajaya:** Individu yang akan disuntik dengan vaksin COVID-19 perlu melalui lima stesen di Pusat Pemberian Vaksin (PPV) dengan proses suntikan mengambil masa antara 15 dan 30 minit, termasuk proses pemantauan untuk kesan sampingan, kata Menteri Kesihatan Datuk Seri Dr Adham Baba.

Stesen pertama ialah untuk saringan gejala dan suhu; stesen kedua untuk pendaftaran; stesen ketiga bagi konsultasi dan persetujuan imunisasi; stesen keempat untuk suntikan vaksin COVID-19 serta stesen kelima untuk pemerhatian.

“Daripada saringan suhu hingga suntikan akan ambil masa antara 10-15 minit. Bagi proses pemerhatian pula selama 15 minit (lagi), namun kita perlu beri ruang secukupnya untuk pemantauan dijalankan,” katanya pada sidang media selepas melakukan simulasi Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan, semalam.

Yang hadir sama, Menteri Penyelaras Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan yang juga Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Khairy Jamaluddin.

Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan dilaksanakan dalam tiga fasa bermula hari ini dengan Fasa 1 dari Februari hingga April 2021 untuk kumpulan petugas barisan hadapan membabitkan 500,000 orang.

Fasa 2 pula iaitu dari April hingga Ogos membabitkan kumpulan warga emas berumur 65 tahun ke atas, golongan berisiko tinggi serta orang kurang upaya membabitkan 9.4 juta orang manakala Fasa 3 dari Mei 2021 hingga Februari 2022 untuk penduduk di Malaysia berumur 18 tahun ke atas - warganegara dan bukan warganegara - dengan sasaran lebih 13.7 juta orang.

Khairy sebelum ini dilaporkan berkata Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin dan Ketua Pengarah Kesihatan Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah akan menjadi antara penerima pertama suntikan vaksin COVID-19 pada hari pertama Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan.

Program itu pada asalnya dijadualkan bermula Jumaat ini, namun dipercepatkan ke hari ini.

Mengulas lanjut, Dr Adham berkata, kementerianya sudah bersedia untuk melaksanakan fasa pertama yang membabitkan 572,588 petugas barisan hadapan berdaftar mengikut rekod setakat 21 Februari lalu.

Sebanyak 532 PPV sudah dikenal pasti di seluruh negara untuk pelaksanaan program vaksinasi terbesar pernah diadakan di negara ini dan dibahagikan kepada lapan kategori mengikut bilangan petugas dan keluasan premis.

“Simulasi dilaksanakan hari ini (semalam) menggunakan con-



Dr Adham ketika melakukan simulasi Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan di Kementerian Kesihatan, di Putrajaya, semalam. (Foto BERNAMA)

**Daripada saringan suhu hingga suntikan akan ambil masa antara 10-15 minit. Bagi proses pemerhatian pula selama 15 minit (lagi), namun kita perlu beri ruang secukupnya untuk pemantauan dijalankan.**

**Dr Adham Baba,**  
Menteri Kesihatan

toh PPV Kategori Satu terdiri daripada 10 petugas Kementerian Kesihatan (KKM) dan 10 petugas bukan KKM.

Dalam perkembangan lain, Dr Adham berkata wanita mengandung serta yang menyusukan anak tidak akan diberi suntikan vaksin COVID-19 berdasarkan ketetapan yang dibuat Jawatankua-



sa Khas Jaminan Akses Bekalan Vaksin COVID-19 (JKJAV).

Pensyarah Perubatan Mikrobiologi Universiti Putra Malaysia Prof Madya Dr Niazlin Mohd Taib dilapor menyarankan wanita mengandung serta yang menyusukan anak agar menangguhkan pengambilan vaksin COVID-19 bagi mengelak sebarang kemung-

kinan kesan sampingan berikutan belum ada bukti klinikal untuk menyokong penggunaan vaksin itu dalam kalangan golongan itu.

Malaysia pada Ahad lalu menerima bekalan pertama vaksin Pfizer-BioNTech sebanyak 312,390 dos yang diterbangkan dari kilang Pfizer di Belgium.